A

METAHUB INDUSTRIES SDN BHD

lwn.

ASP HASSAN BASRI YAHYA & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
SAMSUDIN HASSAN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: MT(7)-44-13-2010]
19 OGOS 2010

C

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Deklarasi - Permohonan - Permohonan deklarasi Perintah Mahkamah Tinggi untuk memulangkan harta alih kepunyaan pemohon sah dan berkuatkuasa - Sama ada perintah dikeluarkan pramatang dan dibuat tidak berdasarkan merit - Sama ada memprejudiskan responden-responden - Kanun Tatacara Jenayah, s. 413 - Sama ada dipatuhi*

D

Pemohon telah memfailkan suatu notis usul bertarikh 14 April 2010 (Permohonan Jenayah MT(4) 44-04-2010) yang memohon dipulangkan tanpa syarat kesemua harta alih kepunyaannya yang telah diperiksa dan dirampas, antara lainnya, 12 bongkah logam dan 44 ketul jongkong logam dipercayai timah yang dileburkan. Pada 11 Mei 2010, Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru telah memberikan perintah seperti dipohon (Perintah Mahkamah Tinggi Malaya 4). Seterusnya, responden-responden telah memfailkan suatu notis usul (Permohonan Jenayah MT(7) 44-05-2010) untuk mengenepikan perintah Mahkamah Tinggi Malaya 4 dan menyatakan bahawa Permohonan Jenayah MT(4) 44-04-2010 tersebut tidak menurut aturan kerana tidak mematuhi tatacara yang diperuntukkan di bawah s. 413 Kanun Tatacara Jenayah. Menurut responden-responden juga, responden ketiga selaku Ketua Unit Pendakwaan Negeri telah membatalkan surat bertarikh 28 Januari 2010 yang mengarahkan supaya barang kes berkenaan dipulangkan kepada pemohon. Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya 7 pada 24 Mei 2010 telah membenarkan permohonan responden-responden (Perintah Mahkamah Tinggi Malaya 7). Pihak pemohon dalam Permohonan Jenayah MT(7) 44-13-2010 (Permohonan Jenayah MT(7) 44-13-2010) menyatakan bahawa Perintah Mahkamah Tinggi Malaya 4 itu adalah satu perintah yang teratur (regular) dan adalah muktamad atau "final order". Oleh yang demikian, pemohon memohon, antara lain, suatu deklarasi bahawa Perintah Mahkamah Tinggi Malaya 7

E

F

G

H

I

bertarikh 24 Mei 2010 adalah tidak sah dari segi undang-undang dan oleh itu adalah terbatal dan suatu deklarasi bahawa Perintah Mahkamah Tinggi 4 bertarikh 11 Mei 2010 adalah masih sah dan berkuatkuasa.

Diputuskan (menolak permohonan pemohon):

(1) Menggunakan prinsip di dalam kes *Badiaddin Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malaysian Finance Berhad*, Perintah Mahkamah Tinggi 4 bertarikh 11 Mei 2010 yang memerintahkan responden-responden memulangkan segala barang-barang kepunyaan pemohon adalah "in breach of rules of natural justice" kerana ianya dibuat tanpa pihak responden-responden dibenarkan memfailkan afidavit jawapan dan hanya berdasarkan keterangan sebelah pihak pemohon semata-mata. Perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi 4 adalah "pramatang" (premature) dan dibuat tidak berdasarkan merit, sekaligus memprejudiskan responden-responden. (para 4)

(2) Surat yang ditandatangani oleh Timbalan Pendakwa Raya bertarikh 28 Januari 2010 yang mengarahkan pemulangan barang kes berkenaan kepada pemohon untuk menyokong Permohonan Jenayah MT(4) 44-04-2010 itu telah pun dibatalkan oleh responden ketiga kerana dikatakan dibuat tanpa pengetahuan atau kelulusan beliau. Mahkamah sependapat dengan pendirian responden-responden bahawa dengan pengeluaran surat pembatalan tersebut tindakan pemulangan hanya sepatutnya dipertimbangkan selepas siasatan lanjut dibuat oleh pihak polis dengan pihak Kester Component (M) Sdn Bhd dan syarikat pemohon. Oleh itu, Permohonan Jenayah MT(4) 44-04-2010 turut tidak mengikut arahan kerana tidak mematuhi tatacara yang diperuntukkan di bawah s. 413 Kanun Tatacara Jenayah. (para 5)

(3) Setelah meneliti dan memperhalusi keterangan di dalam kes ini, maka mahkamah membuat kesimpulan bahawa Perintah Mahkamah Tinggi 7 bertarikh 24 Mei 2010 adalah tepat, teratur, benar dan sah dari segi undang-undang. Perintah Mahkamah Tinggi 4 bertarikh 11 Mei 2010 pula diketepikan bagi membolehkan pihak responden menjawab Permohonan Jenayah MT4 44-04-2010 dan keputusan dibuat ke atasnya berdasarkan merit. (paras 3 & 8)

A **Kes-kes yang dirujuk:**
Badiaddin Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malaysian Finance Bhd [1998] 2 CLJ 75 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 32 r. 13(2)(b)

B
Bagi pihak perayu - GK Sritharan; T/n GK Sritharan & Co
Bagi pihak responden-responden - Omar Shaifuddin TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

C

PENGHAKIMAN

Samsudin Hassan PK:

D **Pendahuluan**

[1] Pemohon memohon relif-relif berikut:

(a) Suatu deklarasi bahawa perintah yang bertarikh 24 Mei 2010 yang telah diberikan oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, E Mahkamah Tinggi 7 Johor Bahru di dalam Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 adalah tidak sah dari segi undang-undang dan oleh itu adalah terbatal;

(b) Suatu deklarasi bahawa perintah yang bertarikh 11 Mei 2010 F yang telah diberikan oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi 4 Johor Bahru di dalam Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 adalah masih sah dan berkuatkuasa;

G (c) Suatu perintah bahawa responden-responden memulangkan segala barang-barang kepunyaan pemohon seperti yang diperintahkan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi 4, Johor Bahru melalui Perintahnya yang bertarikh 11 Mei 2010 di dalam permohonan jenayah No: MT(4) 44-04-2010 di H dalam masa 24 jam dari tarikh perintah ini diberikan.

[2] Kronologi kes secara ringkas adalah seperti berikut:

(a) Pemohon telah memfailkan suatu notis usul bertarikh 14 April 2010 sepertimana dalam kandungan (3) kes permohonan I Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 yang memohon dipulangkan tanpa syarat kesemua harta alih kepunyaannya yang telah diperiksa dan dirampas iaitu:

(i) 12 bongkah logam dipercayai timah yang telah dileburkan; A

(ii) 44 ketul jongkong logam dipercayai timah yang telah dileburkan;

(iii) sebuah buku Good Record Note Metahub Industries Sdn Bhd; B

(iv) 2 helai kertas Visitor Entry Permit Pass No: 0907842 dan 0907843;

(v) sebuah CPU jenama HP no. siri SGH8260BB4; C

(vi) satu payment voucher atas nama Metahub Industries Sdn Bhd bernombor 683394-A; dan

(vii) satu set payment voucher atas nama Metahub Industries Sdn Bhd. D

(b) Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 itu telah didengar pada 11 Mei 2010 dihadapan YA Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor di dalam kehadiran peguam bagi pihak pemohon dan Timbalan Pendakwa Raya bagi pihak responden ketiga. E

(c) Pada 11 Mei 2010 YA Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor telah memberikan Perintah seperti dipohon dalam Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010. F

(d) Perintah bertarikh 11 Mei 2010 di atas adalah sepertimana di eks. 'A' dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah no: MT(7) 44-13-2010. G

(e) Seterusnya responden-responden telah memfailkan suatu Notis Usul bertarikh 12 Mei 2010 sepertimana dalam kandungan (2) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 untuk mengenepikan Perintah Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor bertarikh 11 Mei 2010 dalam Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 dan juga mohon permohonan ini didengar di atas merit. H

(f) Melalui afidavit sokongan sepertimana dalam kandungan (3) Kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010, pihak responden-responden mohon diketepikan Perintah Mahkamah I

Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor bertarikh 11 Mei 2010 dalam Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 itu di atas alasan-alasan di antaranya seperti berikut:

(i) Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 tersebut hanya diterima oleh responden-responden pada 6 Mei 2010. Sesalinan surat daripada peguam mewakili pemohon bertarikh 3 Mei 2010 bersama-sama cop akuan penerimaan responden-responden bertarikh 6 Mei 2010 sepertimana di eks. "USJ-1" dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010;

(ii) Responden-responden sepatutnya diberikan masa untuk memfailkan suatu afidavit jawapan kepada Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 tersebut. Tanpa peluang sedemikian responden telah diprejudiskan;

(iii) Responden ketiga selaku Ketua Unit Pendakwaan Negeri Johor Darul Takzim melalui surat bertarikh 12 April 2010 sepertimana di eks. "USJ-3" dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 telah membatalkan surat bertarikh 28 Januari 2010 yang ditandatangani oleh Timbalan Pendakwa Raya berkenaan yang mengarahkan supaya barang kes berkenaan dipulangkan kepada pemohon sepertimana di eks. "USJ-2" dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 kerana surat ini dibuat tanpa pengetahuan atau kelulusan responden;

(iv) Surat peguam mewakili pemohon bertarikh 8 Disember 2009 yang dirujuk di dalam surat Timbalan Pendakwa Raya berkenaan bertarikh 28 Januari 2010 itu sepertimana di eks. "USJ-2" dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 tidak pernah sampai ke tangan responden-responden sehinggalah beliau mengeluarkan surat pembatalan bertarikh 12 April 2010 sepertimana di eks. "USJ-3" dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010;

(v) Dengan pengeluaran surat pembatalan responden itu bertarikh 12 April 2010 sepertimana di eks. "USJ-3" dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 tersebut, tindakan pemulangan hanya sepatutnya

dipertimbangkan selepas siasatan lanjut dibuat oleh pihak polis dengan pihak Kester Component (M) Sdn Bhd dan syarikat Perayu iaitu Metahub Industries Sdn Bhd; dan

(vi) Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 tersebut tidak menurut aturan kerana tidak mematuhi tatacara yang diperuntukkan di bawah s. 413 Kanun Tatacara Jenayah.

(g) Permohonan melalui notis usul responden-responden bertarikh 12 Mei 2010 sepertimana dalam kandungan (2) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 itu telah dibicarakan di hadapan YA Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya 7, Johor Bahru, Johor pada 24.5.2010.

(h) Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya 7, Johor Bahru, Johor telah pada 24 Mei 2010 membenarkan permohonan responden-responden untuk mengenepikan perintah yang telah diberikan oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor pada 11 Mei 2010 dalam kes Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 dan juga telah memerintahkan agar permohonan pemohon di dalam kes Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 itu didengar atas merit. Perintah bertarikh 9 Jun 2010 oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya 4 Johor Bahru, Johor sepertimana di kandungan (6) dalam kes Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-5-2010.

(i) Perkara 9, 10 dan 11 afidavit sokongan pihak pemohon dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-13-2010 menyatakan perbicaraan merit dalam kes Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 itu ditetapkan untuk perbicaraan di hadapan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor pada 29 Jun 2010. Semasa perbicaraan pada 29 Jun 2010, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor telah enggan mendengar permohonan responden-responden atas meritnya kerana memaklumkan mahkamah sudahpun "*functus officio*".

(j) Perkara 12 afidavit sokongan pihak pemohon dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-13-2010 serta Perkara 8 afidavit balasan pemohon dalam kandungan (8) Kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-13-2010, menyatakan Perintah Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi

A Malaya 4, Johor Bahru, Johor yang bertarikh 11 Mei 2010 dalam kes Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 itu adalah satu perintah yang teratur (regular) dan adalah muktamad atau "final order". Justeru itu, sekiranya responden-responden tidak berpuas hati dengan keputusan berkenaan
B maka hanya ada satu prosedur yang dibenarkan dari segi undang-undang iaitu responden-responden membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan di Putrajaya dan bukannya membuat permohonan untuk mengenepikan perintah tersebut di Mahkamah Tinggi yang lain.

C

(k) Seterusnya di Perkara 14 afidavit sokongan pihak pemohon dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-13-2010 juga menyatakan responden-responden berhasrat untuk mengelak daripada membicarakan kes mereka di hadapan
D Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor dengan memfailkan permohonan mereka tanpa menggunakan nombor kes yang sama iaitu Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 menyebabkan perbicaraan permohonan mereka telah didengar di hadapan Yang Arif
E Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi 7, Johor Bahru, Johor.

(l) Perkara 22 afidavit balasan pemohon dalam kandungan (8) Kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-13-2010 menyatakan
F keputusan yang dibuat oleh Yang Arif berhubung kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 yang dibicarakan pada 24 Mei 2010 patut diketepikan kerana ketiadaan perintah demi untuk mengelakkan 'illegality' yang telah berlaku dibiarkan berterusan.

G (m) Perkara 24 afidavit balasan pemohon dalam kandungan (8) Kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-13-2010 menyatakan untuk mengenepikan Perintah Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor bertarikh 11 Mei 2010 dalam Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 tersebut ianya wajib dibuat di
H hadapan mahkamah yang sama yang telah membenarkan permohonan pemohon tersebut dan bukannya di Mahkamah Tinggi yang lain iaitu Mahkamah Tinggi Malaya 7, Johor Bahru, Johor dan lebih-lebih lagi kerana Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya 7, Johor Bahru, Johor
I yang telah memberikan perintah bertarikh 9 Jun 2010 berhubung kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010

yang dibicarakan pada 24 Mei 2010 tidak mempunyai nota-nota prosiding dihadapannya semasa perbicaraan permohonan responden-responden.

(n) Perkara 27 afidavit balasan pemohon dalam kandungan (8) Kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-13-2010 menyatakan pemohon dalam kes ini juga bergantung kepada doktrin *"res judicata"*.

(o) Oleh yang demikian, pemohon memohon suatu perintah dikeluarkan terhadap relif-relif yang disenaraikan di dalam notis usul bertarikh 8 Julai 2010 dalam kandungan (2) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-13-2010 sepertimana di Para 1(a), (b) dan (c) di atas.

Alasan Penghakiman

[3] Dalam menurunkan penghakiman kes ini mahkamah merangkumkan permohonan pemohon dalam Prayer (a) dan (b) sepertimana di Perenggan [1](a) dan (b) di atas bersekali kerana isunya berkaitan. Setelah meneliti dan memperhalusi keterangan dalam kes ini maka mahkamah membuat kesimpulan bahawa perintah yang bertarikh 24 Mei 2010 yang telah diberikan oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya 7, Johor Bahru, Johor di dalam permohonan Jenayah No: MT(7) 44-5-2010 adalah tepat, teratur, benar dan sah dari segi undang-undang berdasarkan alasan-alasan berikut:

Dalam kes *Badiaddin Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malaysian Finance Berhad* [1998] 2 CLJ 75 khususnya ms. 92 di mana Mohd Azmi FCJ memutuskan seperti berikut:

> It is of course settled law as laid down by the Federal Court in *Hock Hua Bank*'s case that one High Court cannot set aside a final order regularly obtained from another High Court of concurrent jurisdiction. But one special exception to this rule (which was not in issue and therefore not discussed in Hock Hua Bank) is where the final judgement of the High Court could be proved to be null and void on ground of illegality or lack of jurisdiction so as to bring the aggrieved party within the principle laid down by a number of authorities culminating in the Privy Council case of *Isaacs v. Robertson* [1985] AC 97 where Lord Diplock while rejecting the legal aspect of voidness and voidability in the orders made by a court of unlimited jurisdiction, upheld the existence of a category of orders of the court '... which a person

affected by the order is entitled to apply to have set aside *ex debito justitiae* in the exercise of the inherent jurisdiction of the court, without his needing to have recourse to the rules that deal expressly with proceedings to set aside for irregularity, and give to the judge a discretion as to the order he will make'.

The Privy Council through Lord Diplock also emphasized that the courts in England have not closed the door as to the type of defects in the final judgement of the court that can be brought into the category that attracts *ex debito justitiae* the right to have it set aside without going into the appeal procedure, 'save that specifically it includes orders that have been obtained in breach of rules of natural justice'. Similarly in this country, the statement of Abdoolcader J (as he then was) in *Eu Finance Bhd v. Lim Yoke Foo* [1982] 2 MLJ 37 at page 39 provides the correct guideline on the subject:

The general rule is that where an order is a nullity, an appeal is somewhat useless as despite any decision on appeal, such an order can be successfully attacked in collateral proceedings; it can be disregarded and impeached in any proceedings, before any court or tribunal and whenever it is relied upon - in other words, it is subject to collateral attack. In collateral proceedings, the court may declare an act that purports to bind to be non-existent. In *Harkness v. Bell's Asbertos and Engineering Ltd* [1967] 2 QB729, Lord Diplock LJ (now a Law Lord) said (at page 736) that 'it has been long laid down that where an order is a nullity, the person whom the order purports to affect has the option either of ignoring it or of going, to the court and asking for it to be set aside'.

For my part, I must hasten to add that apart from breach of rules of natural justice, in any attempt to widen the door of the inherent and discretionary jurisdiction of the superior courts to set aside an order of court *ex debito justitiae* to a category of cases involving orders which contravened 'any written law', the contravention should be one which defies a substantive statutory prohibition so as to render the defective order null and void on ground of illegality or lack of jurisdiction. It should not for instance be applied to a defect in a final order which has contravened a procedural requirement of any written law. The discretion to invoke the inherent jurisdiction should also be exercised judicially in exceptional cases where the defect is of such a serious nature that there is a real need to set aside the defective order to enable the court to do justice. In all cases, the normal appeal procedure should be adopted to set aside a defective order, unless the aggrieved party could bring himself within the special exception.

[4] Menggunapakai prinsip di atas adalah selamat dinyatakan di sini bahawa perintah bertarikh 11 Mei 2010 oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya 4, Johor Bahru, Johor di dalam Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 yang memerintahkan responden-responden memulangkan segala barang-barang kepunyaan pemohon adalah 'in breach of rules of natural justice' kerana ianya dibuat tanpa pihak responden-responden dibenarkan memfailkan afidavit jawapan dan hanya berdasarkan keterangan sebelah pihak pemohon semata-mata. Berhubung perkara ini kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 jelas menunjukkan pemohon telah memfailkan suatu notis usul dan afidavit sokongan bertarikh 14 April 2010 melalui Permohonan Jenayah No: 44-04-2010 yang memohon, antara lainnya, bagi pemulangan 12 bongkah logam dan 44 ketul jongkong logam dipercayai timah yang dileburkan kepada pemohon. Walau bagaimanapun, permohonan jenayah berkenaan hanya diterima oleh responden-responden pada 6 Mei 2010. Sesalinan surat daripada peguam mewakili pemohon bertarikh 3 Mei 2010 bersama-sama cop akuan penerimaan responden bertarikh 6 Mei 2010 sepertimana di eks. "USJ-1" dalam kandungan (3) kes Permohonan Jenayah No: MT(7) 44-05-2010 adalah berkenaan. Dalam keadaan sedemikian responden-responden sepatutnya diberi masa 14 hari daripada 6 Mei 2010 untuk menyempurnakan afidavit sokongan bagi membalas pernyataan pihak pemohon sepertimana yang diperuntukkan di bawah "O. 32 r. 13(2)(b) Rules of the High Court 1980". Tetapi pada 11 Mei 2010 permohonan jenayah tersebut telah didengar di hadapan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi 4, Johor Bahru, Johor di dalam kehadiran peguambela bagi pihak pemohon dan Timbalan Pendakwa Raya mewakili pihak responden ketiga tanpa responden-responden diberikan masa secukupnya untuk memfailkan suatu afidavit sokongan menjawab permohonan jenayah pihak pemohon tersebut. Sungguhpun demikian Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan telah memberikan perintah seperti dipohon oleh pemohon dalam permohonan jenayah tersebut. Dalam hal ini perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi 4, Johor Bahru, Johor adalah "pramatang" (premature) kerana masih ada sembilan hari lagi untuk pihak responden-responden memfailkan afidavit sokongan dan lagipun tiada keterangan sokongan oleh pemohon yang boleh menunjukkan Timbalan Pendakwa Raya yang mewakili responden Ketiga pada hari pendengaran kes ada membuat penghujahan lisan mengenainya. Jadi berdasarkan keterangan keseluruhannya maka jelas menunjukkan Perintah Mahkamah 4,

A Johor Bahru, Johor bertarikh 11 Mei 2010 berhubung permohonan jenayah tersebut dibuat tidak berdasarkan merit dan sekaligus memprejudiskan responden-responden.

[5] Seperkara lagi berhubung surat yang ditandatangani oleh
B Timbalan Pendakwa Raya bertarikh 28 Januari 2010 yang mengarahkan pemulangan barang kes berkenaan kepada pemohon untuk menyokong Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 itu telah pun dibatalkan oleh responden ketiga selaku Ketua Unit Pendakwaan, Negeri Johor Darul Takzim kerana dikatakan dibuat
C tanpa pengetahuan atau kelulusan beliau. Lagipun surat peguambela mewakili pemohon bertarikh 8 Disember 2009 yang dirujuk di dalam surat Timbalan Pendakwa Raya berkenaan bertarikh 28 Januari 2010 dikatakan tidak pernah sampai ke tangan responden ketiga sehinggalah beliau mengeluarkan surat pembatalan
D bertarikh 12 April 2010 itu. Jadi mahkamah sependapat dengan pendirian responden-responden dalam kes ini bahawa dengan pengeluaran surat pembatalan tersebut tindakan pemulangan hanya sepatutnya dipertimbangkan selepas siasatan lanjut dibuat oleh pihak polis dengan pihak Kester Component (M) Sdn Bhd dan
E syarikat pemohon. Atas dasar itu mahkamah ini juga memutuskan bahawa Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 turut tidak mengikut arahan kerana tidak mematuhi tatacara yang diperuntukkan di bawah s. 413 Kanun Tatacara Jenayah.

[6] "Breach of rules of natural justices" dalam kes ini kerana
F perintah dibuat tidak berdasarkan merit dan juga perintah pemulangan barang-barang dibuat tidak mematuhi tatacara yang diperuntukkan di bawah s. 413 Kanun Tatacara Jenayah tergolong di bawah "the type of defects in the final judgment of the court
G that is of such a serious nature that there is a real need of one High Court to exercise its inherent and discretionary jurisdiction to set aside a defective order obtained from another High Court of concurrent jurisdiction without going into the appeal procedure so as to enable it to do justice" dan dalam keadaan sedemikian
H Yang Amat Arif Mohd Azmi FCJ di dalam penghakiman kes yang sama *Badiaddin Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malaysian Finance Berhad* [1998] 2 CLJ 75 khusus di ms. 117 menyatakan "the principle of *functus officio* or *res judicata*" tidak boleh mengatasinya pada bila-bila masa pun atau apa cara sekalipun. Pendirian yang
I sama disuarakan oleh Yang Amat Arif Gopal Sri Ram JCA di dalam kes yang sama seperti berikut:

It is therefore clear, in light of the principles established by high authority, that a court of unlimited jurisdiction, even in the absence of an express enabling provision, has inherent power to set aside its orders made in breach of written law. The ends of justice will not be met if such a power did not exist. And the procedural branch of the broad and flexible doctrine of estoppels known as *res judicata* finds no place in such a circumstance. Neither has the *functus officio* theory, which, upon close examination is merely part and parcel of the doctrine of *res judicata*, any role to play in the case.

It follows from what I have said thus far upon the topic under discussion that Mohd Noor Abdullah J had ample power and jurisdiction to grant the declaration in question and to set aside the order made by his predecessor. The Court of Appeal therefore fell into error by declining to enter upon the merits of the case and in deciding the appeal before it entirely on the ground that the High Court was *functus officio*.

[7] Akhir sekali berkenaan dakwaan pemohon bahawa responden-responden berhasrat untuk mengelak daripada membicarakan kes mereka di Mahkamah Tinggi 4, Johor Bahru, Johor dengan memfailkan permohonan mereka tanpa menggunakan nombor kes yang sama telahpun dijelaskan secara terperinci oleh responden ketiga dalam Perkara 6, 7 dan 8 afidavit jawapan beliau sepertimana di kandungan (7) Kes Permohonan Jenayah No: 44-13 Tahun 2010 dan mahkamah berpuas hati dengan penerangan tersebut dan menerimanya.

[8] Oleh yang demikian maka mahkamah ini memutuskan Perintah Mahkamah Tinggi 4, Johor Bahru, Johor bertarikh 11 Mei 2010 berkait Kes Permohonan Jenayah No: MT(4) 44-04-2010 diketepikan bagi membolehkan pihak responden menjawab permohonan jenayah tersebut dan keputusan dibuat ke atasnya berdasarkan merit.

[9] Permohonan notis usul oleh pemohon bertarikh 8 July 2010 untuk mendapatkan deklarasi dan perintah pemulangan barang-barang kepunyaan pemohon adalah dengan ini ditolak.